

Nik Aziz tidak akan berundur — Dr. M

UM 25 NOV 2004

Oleh SOPHA SULAIMAN

PENDANG 24 Nov. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak percaya Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat akan meletak jawatan dalam parti selagi beliau benar-benar meletakkan jawatan.

“Macam saya dulu juga, bila saya kata nak letak jawatan, Nik Aziz tak percaya, dia kata saya buat omong kosong, jadi pada kali ini pun saya tak percaya (peletakan jawatan Nik Aziz),” kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata, Nik Aziz begitu berminat dengan politik, walaupun beliau tidak sihat beliau masih mahu juga memegang jawatan.

“Dulu dia tidak sabar tunggu keluar hospital untuk berkempen dalam pilihan raya, saya tak pernah nak percaya, ini janji orang politik,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan Hari Raya Aidil-

fitri bersama penduduk di Kampung Caruk Kudung di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas mengenai laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini yang menyebut Nik Aziz dikatakan telah menyerahkan surat bagi semua jawatan dalam parti.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas dan Pesuruhjaya Pas Negeri Kelantan dikatakan berhasrat untuk berbuat demikian kerana faktor kesihatan iaitu selepas beliau diserang sakit jantung baru-baru ini.

Ketika berucap pada majlis itu, bekas Presiden UMNO itu berkata, beliau mahu melihat orang Melayu terus maju dalam bidang perniagaan dan bukan setakat berniaga gerai di tepi jalan.

“Sebelum saya pejam mata (meninggal dunia), saya nak lihat orang Melayu maju dan bukan berniaga ikut musim sahaja,” katanya lagi.

Beliau juga membidas orang Melayu yang gemar berniaga tanpa berusaha kuat, sebaliknya memohon lesen perniagaan sebelum menjual atau menyewakannya kepada orang lain.

“Dulu semasa saya jadi Perdana Menteri, ramai orang menunggu saya di lapangan terbang Alor Star, mereka datang dari seluruh negara untuk menghulurkan sampul surat memohon lesen perniagaan dan modal,” katanya.

Katanya, cara itu bukan perniagaan yang sebenar, tetapi perniagaan harus bermula dari bawah dan mengikut kemampuan di samping bersedia pula untuk menyediakan modal.

Pada majlis itu yang dihadiri sama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Dr. Mahathir berkali-kali memohon maaf kerana beliau masih terus menegur supaya orang Melayu mengubah sikap walaupun tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

“Niat saya ialah untuk melihat orang Melayu tidak ketinggalan dengan bangsa lain,” katanya lagi.

Beliau juga mengulangi agar rakyat Malaysia terus mensyukuri nikmat hasil keamanan negara ini dan mengambil iktibar daripada nasib buruk yang menimpa umat Islam di Palestin, Iraq dan Afghanistan.